



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
WARGANEGARA ASING YANG
MENJALANKAN PENGGAJIAN DI
MALAYSIA**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2026

TARIKH PENERBITAN: 27 MAC 2026



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
WARGANEGARA ASING YANG
MENJALANKAN PENGGAJIAN DI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2026
Tarikh Penerbitan: 27 Mac 2026**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 16 November 2011

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi secara elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
WARGANEGARA ASING YANG
MENJALANKAN PENGGAJIAN DI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2026
Tarikh Penerbitan: 27 Mac 2026**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Layanan Cukai ke atas Warganegara Asing yang Menjalankan Penggajian di Malaysia	3
5. Layanan Cukai ke atas Warganegara Asing dari Negara yang Mempunyai Perjanjian Cukai yang Dipinjamkan bertugas di Malaysia	14
6. Kredit Dua Belah Pihak	15
7. Layanan Cukai ke atas Warganegara Asing dari Negara yang Tiada Perjanjian Cukai yang Dipinjamkan bertugas di Malaysia	15
8. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang Berkaitan	17
9. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	17
10. Tarikh Kuat Kuasa	18
11. Kemas kini dan Pindaan	18
12. Penafian	19



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
WARGANEGARA ASING YANG
MENJALANKAN PENGGAJIAN DI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2026
Tarikh Penerbitan: 27 Mac 2026**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

1. Objektif

Ketetapan Umum (KU) ini menerangkan layanan cukai bagi pendapatan penggajian yang diperoleh oleh warganegara asing yang menjalankan penggajian atau yang dipinjamkan bertugas di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 13, 21, 25, 132, 132A, 133 dan Jadual 1, 6 dan 7.

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Bukan pemastautin” bagi tahun asas bagi suatu tahun taksiran berhubung seseorang pekerja bermaksud pekerja selain daripada pekerja yang bermastautin di Malaysia.

3.2 “Cukai asing” bermaksud –

(a) apa-apa cukai atas pendapatan (atau apa-apa cukai lain yang sebahagian besarnya mempunyai ciri-ciri serupa) yang boleh dikenakan atau dikenakan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia yang mana pendapatan yang sama terbit; dan

(b) berhubung dengan perenggan 132(4)(d) atau seksyen 132A ACP termasuk cukai lain daripada setiap jenis yang dikenakan oleh atau di bawah undang-undang wilayah itu.

3.3 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP.

3.4 “Dipinjamkan” (seconded) bermaksud –

(a) seseorang pekerja ditukarkan buat sementara waktu oleh majikan untuk melakukan tugas berkaitan di tempat lain; dan

(b) selepas tamat tugas sementara tersebut, pekerja itu kembali semula kepada majikan yang sama untuk menyambung penggajian.

- 3.5 “Kredit dua belah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang menurut apa-apa perkiraan yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132 ACP, dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia.
- 3.6 “Kredit sebelah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang kena dibayar di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia yang mana tiada perkiraan di bawah seksyen 132 ACP sedang berkuat kuasa.
- 3.7 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
- (a) tuan, sekiranya terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) sekiranya perhubungan tersebut tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar saraan kepada pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu mungkin orang yang sama yang bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.8 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu perkongsian liabiliti terhad, suatu koperasi, suatu kelab, suatu persatuan, suatu Keluarga Sekutu Hindu, suatu pemegang amanah, suatu pentadbir harta pusaka, suatu perkongsian dan seorang individu.
- 3.9 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
- (a) orang suruhan, sekiranya wujud perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) sekiranya perhubungan tersebut tidak wujud, ia adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.10 “Pemastautin Malaysia” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran menurut seksyen 7 ACP.
- 3.11 “Penggajian” bermaksud –
- (a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.



- 3.12 “Pendapatan asing” bermaksud, berhubung dengan –
- (a) kredit sebelah pihak – pendapatan yang terbit dari luar Malaysia yang dikenakan cukai asing; atau
 - (b) kredit dua belah pihak – pendapatan yang terbit dari luar Malaysia dan pendapatan yang terbit dari Malaysia yang dikenakan cukai asing.
- 3.13 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang individu warganegara asing, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan menurut ACP.
- 3.14 “Taksiran” bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP.
- 3.15 “Tahun asas” berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi suatu punca pendapatan penggajian adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.16 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.17 “Tempoh asas” berhubung dengan pendapatan kasar penggajian adalah seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 25 ACP.
- 3.18 “Warganegara asing” bermaksud individu yang bukan warganegara Malaysia.

4. **Layanan Cukai Warganegara Asing yang Bertugas di Malaysia**

4.1 Pendapatan penggajian

Pada amnya, pendapatan kasar seorang pekerja berhubung dengan mempunyai penggajian atau menjalankan penggajian sepatutnya dikenakan cukai di negara di mana tugas tersebut dilaksanakan, tanpa mengira tempat di mana kontrak ditandatangani atau di mana saraan dibayar. Dalam erti kata lain, warganegara asing yang bekerja di Malaysia boleh dikenakan cukai di bawah undang-undang cukai domestik Malaysia berhubung pendapatan penggajian yang diperolehi dari Malaysia.

4.2 Pendapatan penggajian disifatkan diperolehi dari Malaysia

Subseksyen 13(2) ACP memperuntukkan bahawa pendapatan penggajian disifatkan diperolehi dari Malaysia apabila penggajian itu dijalankan di Malaysia. Pendapatan kasar berkenaan dengan laba atau keuntungan daripada sesuatu penggajian disifatkan diperolehi dari Malaysia di bawah keadaan berikut:

- (a) Menjalankan penggajian di Malaysia – jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh semasa penggajian dijalankan di Malaysia mengikut perenggan 13(2)(a) ACP;

Perkataan ‘menjalankan penggajian’, yang tidak didefinisikan dalam ACP, biasanya difahami sebagai penggajian dijalankan di tempat di mana pekerja hadir secara fizikal semasa menjalankan aktiviti bagi pendapatan penggajian yang dibayar.

Contoh 1

Fahrin, seorang warganegara Brunei, dilantik sebagai juruaudit di sebuah syarikat kejuruteraan di Kuala Lumpur di bawah suatu kontrak penggajian sejak 1.1.2023. Pendapatan penggajian beliau mulai tahun 2023 dan seterusnya disifatkan diperolehi dari Malaysia kerana penggajian tersebut dijalankan di Malaysia.

- (b) Tempoh cuti yang berkaitan dengan menjalankan penggajian – jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh cuti yang berkaitan dengan menjalankan penggajian di Malaysia mengikut perenggan 13(2)(b) ACP; atau

Contoh 2

Dalam Contoh 1 di atas, sekiranya Fahrin bercuti rehat (dari 1.9.2024 hingga 15.9.2024) di Brunei untuk menziarahi keluarga dan kawan, tempoh bercuti tersebut dianggap berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pendapatan penggajian yang diterima semasa tempoh cuti di luar Malaysia disifatkan diperolehi dari Malaysia.

- (c) Tugas sampingan kepada penggajian - jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh semasa pekerja menjalankan tugas di luar Malaysia yang bersampingan (incidental) dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia di bawah perenggan 13(2)(c) ACP.

(Untuk keterangan lanjut, rujuk kepada KU No. 1/2011 bertajuk Percukaian Pekerja Malaysia yang Dihantar Bertugas di Luar Negara)

Contoh 3

Dalam Contoh 1 di atas, dalam tahun 2024, Fahrin diarahkan oleh majikannya di Malaysia untuk mengaudit akaun suatu syarikat berkaitan di Thailand. Pendapatan penggajian bagi tempoh beliau bekerja di Thailand disifatkan diperolehi dari Malaysia. Berdasarkan perenggan 13(2)(c) ACP, tugas yang dijalankan di Thailand dianggap sebagai tugas

sampingan kepada penggajian beliau di Malaysia. Dalam kes ini, tidak wujud jawatan juruaudit di Thailand dan Fahrin hanya dihantar untuk menjalankan tugas audit tersebut.

4.3 Asas taksiran pendapatan penggajian

4.3.1 Tahun asas untuk suatu tahun taksiran bagi pendapatan penggajian seseorang individu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran itu sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 21 ACP. Seseorang individu ditaksir berasaskan tahun kalendar semasa yang mana pendapatan individu tersebut bagi tempoh asas 1.1.2024 hingga 31.12.2024 adalah pendapatan kasar penggajian individu tersebut bagi tahun taksiran 2024.

4.3.2 Di bawah subseksyen 25(1) ACP, pendapatan kasar penggajian yang boleh diterima bagi mana-mana tempoh tertentu berhubung penggajian yang dilaksanakan di Malaysia akan dicukai pada tahun pendapatan penggajian tersebut diterima.

Contoh 4

Berdasarkan Contoh 1 di atas, dalam tahun asas 2024, Fahrin telah menerima gaji berjumlah RM240,000 dan bonus sebanyak RM40,000. Bonus tersebut adalah bayaran bagi penggajian dalam tempoh asas 1.1.2023 hingga 31.12.2023 tetapi hanya dibayar oleh majikannya pada 5.1.2024.

Gaji dan bonus berjumlah RM280,000 hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar bagi tempoh asas berakhir 31.12.2024 (tahun taksiran 2024).

4.4 Taraf mastautin di Malaysia

Taraf mastautin seseorang individu ditentukan dengan merujuk kepada tempoh kehadiran individu itu secara fizikal di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran. Dalam situasi tertentu, kehadiran fizikal dalam tahun asas sebelum dan tahun asas selepas suatu tahun taksiran tertentu juga perlu diambil kira.

Secara umum, seseorang individu adalah bukan pemastautin jika tempoh kehadirannya secara fizikal di Malaysia adalah kurang daripada 182 hari dalam suatu tahun asas.

(Untuk keterangan lanjut, rujuk KU No. 11/2017 bertajuk Taraf Mastautin Individu)

4.5 Kadar cukai

Kadar cukai yang terpakai kepada warganegara asing bergantung kepada taraf mastautin mereka di Malaysia. Individu pemastautin layak menuntut pelepasan cukai individu dan dikenakan cukai pada kadar skala yang dinyatakan dalam perenggan 1, Bahagian 1, Jadual 1 ACP.

Individu bukan pemastautin tidak layak menuntut apa-apa pelepasan cukai individu dan tertakluk kepada cukai pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan 1A, Bahagian 1, Jadual 1 ACP. Kadar cukai semasa yang dikenakan ke atas individu bukan pemastautin ialah pada kadar rata 30% atas setiap ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Terdapat juga kadar cukai istimewa bagi individu di bawah insentif tertentu seperti yang dinyatakan dalam Bahagian XIV dan XVIII Jadual 1 ACP.

4.6 Penggajian jangka pendek di Malaysia

4.6.1 Tempoh penggajian tidak melebihi 60 hari

Pendapatan individu bukan pemastautin daripada suatu penggajian yang dijalankan olehnya di Malaysia akan dikecualikan daripada cukai menurut perenggan 21 Jadual 6 ACP di bawah keadaan berikut:

- (a) Pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama tidak melebihi 60 hari dalam tahun asas untuk satu tahun taksiran; atau

Contoh 5

Jordan, seorang warganegara Amerika Syarikat (AS) yang digajikan oleh syarikat multinasional di AS dipinjamkan untuk menjalankan tugas khas di syarikat ibu pejabat di Malaysia. Penggajiannya di Malaysia adalah dari 9.6.2024 hingga 30.6.2024 (22 hari). Jordan bercuti dan melancong dalam Malaysia selama dua minggu (14 hari) sebelum meninggalkan Malaysia.



Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2024			
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bercuti di Malaysia	Bekerja di AS
160 hari	22 hari	14 hari	170 hari

Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)

Jordan layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2024 kerana tempoh penggajian beliau di Malaysia yang tidak melebihi 60 hari.

Contoh 6

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 5 kecuali Jordan kembali ke Malaysia untuk bekerja dari 1.9.2024 hingga 30.9.2024 (30 hari) bagi projek lain atas arahan majikannya di AS. Liabiliti cukainya di Malaysia untuk tahun taksiran 2024 akan dikaji semula mulai 1.1.2024.

Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2024					
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bercuti di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS
160 hari	22 hari	14 hari	48 hari	30 hari	92 hari

Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)

Jordan masih layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2024 kerana tempoh penggajian beliau di Malaysia tidak melebihi 60 hari.

Contoh 7

James yang berkhidmat di Syarikat Appolo, AS telah dihantar oleh majikannya ke Malaysia untuk menyelia promosi suatu produk baharu di syarikat berkaitan dari 1.4.2024 hingga 30.4.2024 (30 hari). Kemudian, James telah dihantar semula bagi kali kedua untuk berkhidmat di syarikat berkaitan di Malaysia dari 1.9.2024 hingga 15.11.2024 (76 hari).

James telah dikecualikan cukai bagi tahun taksiran 2024 semasa tempoh pengajian yang pertama di Malaysia (1.4.2024 hingga 30.4.2024) kerana tempoh pengajiannya di Malaysia tidak melebihi 60 hari. Walau bagaimanapun, selepas tempoh pengajian kedua James di Malaysia tamat (1.9.2024 hingga 15.11.2024), liabiliti cukainya perlu dikaji semula mulai 1.1.2024 untuk menentukan keseluruhan tempoh pengajiannya bagi tahun taksiran 2024.

Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2024				
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS
91 hari	30 hari	123 hari	76 hari	46 hari

Tidak dikecualikan cukai
(melebihi 60 hari)

James tidak layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2024 kerana tempoh pengajian beliau di Malaysia melebihi 60 hari.

Contoh 8

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 7 kecuali James telah meletakkan jawatan dengan Syarikat Appolo apabila beliau pulang ke AS pada 16.11.2024 dan dengan serta merta mula bekerja dengan syarikat pesaing lain di AS. Majikan baharu telah menghantarnya semula ke Malaysia untuk menyelia perkembangan suatu cawangan pejabat baharu dari 1.12.2024 hingga 31.12.2024 (31 hari).

Selepas tempoh pengajian ketiga James di Malaysia tamat (1.12.2024 hingga 31.12.2024), liabiliti cukainya bagi tahun taksiran 2024 perlu dikaji semula mulai 1.1.2024.



Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2024					
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia
91 hari	30 hari	123 hari	76 hari	15 hari	31 hari

↓

Tidak dikecualikan cukai
(melebihi 60 hari)

James tidak layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2024 kerana tempoh pengajian beliau (walaupun dengan majikan yang berlainan) di Malaysia melebihi 60 hari.

- (b) Pekerja menjalankan pengajian di Malaysia bagi satu tempoh berterusan (tidak melebihi enam puluh hari) yang bertindih dengan tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut; atau

Contoh 9

Blair adalah jurutera teknologi operasi di sebuah syarikat minyak dan gas di AS. Beliau dihantar ke Malaysia bagi tempoh 16.12.2023 hingga 15.1.2024 (31 hari) oleh majikannya untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi penambahbaikan loji di sebuah anak syarikat di Malaysia.

Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2023		Tahun 2024
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS
349 hari	31 hari	351 hari

↓

Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)

Blair layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2023 dan 2024 kerana tempoh penggajian di Malaysia bagi satu tempoh berterusan yang bertindih dengan dua tahun taksiran yang berturut-turut adalah tidak melebihi 60 hari (31 hari).

- (c) Pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi suatu tempoh berterusan (tidak melebihi 60 hari) yang bertindih dengan tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut dan bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama dengan tempoh berterusan itu tidak melebihi enam puluh hari.

Contoh 10

Dalam Contoh 9, jika Blair kembali ke Malaysia dari 1.3.2024 hingga 15.3.2024 (15 hari) untuk menyelia pelaksanaan cadangan kajian penambahbaikan loji tersebut, liabiliti cukai beliau akan dikaji semula dari 16.12.2023.

Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2023		Tahun 2024		
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS
349 hari	31 hari	45 hari	15 hari	291 hari

↓ ↓

Dikecualikan cukai (tidak melebihi 60 hari)
--

Blair masih layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2023 dan 2024 kerana tempoh penggajian beliau di Malaysia untuk satu tempoh berterusan yang tidak melebihi 60 hari (31 hari) bertindih dengan dua tahun taksiran yang berturut-turut dan tempoh 15 hari yang bersama-sama dengan tempoh berterusan tersebut adalah tidak melebihi 60 hari (tempoh keseluruhan adalah 46 hari).

Contoh 11

Dalam Contoh 10, jika Blair kembali ke Malaysia dari 1.3.2024 hingga 30.4.2024 (61 hari) untuk menyelia pelaksanaan cadangan kajian penambahbaikan loji tersebut, liabiliti cukai beliau akan dikaji semula dari 16.12.2023.

Situasi itu diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2023		Tahun 2024		
Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS	Bekerja di Malaysia	Bekerja di AS
349 hari	31 hari	45 hari	61 hari	245 hari

Tidak dikecualikan cukai
(melebihi 60 hari)

Penggajian Blair di Malaysia adalah untuk tempoh berterusan yang kurang daripada 60 hari (31 hari). Walau bagaimanapun, tempoh ini bertindih dalam dua tahun taksiran dan tempoh 61 hari lain yang bersama-sama dengan tempoh berterusan itu (31 hari) yang membuatkan tempoh keseluruhan penggajian Blair di Malaysia adalah melebihi 60 hari (92 hari). Oleh itu, Blair tidak layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2023 dan 2024.

4.6.2 Tempoh penggajian melebihi 60 hari

Pengecualian cukai di bawah perenggan 21 Jadual 6 ACP tersebut tidak terpakai di mana individu mempunyai pendapatan yang diperolehi dari Malaysia daripada penggajian itu:

- (a) bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang kesemuanya berjumlah lebih daripada enam puluh hari dalam tahun asas suatu tahun taksiran; atau
- (b) bagi suatu tempoh berterusan melebihi 60 hari yang bertindih dengan dua tempoh asas yang berturutan; atau



- (c) di mana suatu tempoh berterusan yang bertindih itu bersama-sama dengan suatu tempoh atau tempoh-tempoh lain, melebihi 60 hari.

[Perenggan 21 dan 22(a) Jadual 6 ACP].

Contoh 12

Adam seorang warganegara Australia, telah dilantik sebagai seorang arkitek di sebuah syarikat di Malaysia bagi tempoh seperti berikut:

1.9.2024 hingga 30.9.2024 30 hari

1.10.2024 hingga 31.10.2024 31 hari

Jumlah 61 hari

Adam dibayar saraan bagi tempoh pengajian dari 1.9.2024 hingga 31.10.2024 (61 hari). Walau bagaimanapun, Adam telah mengambil cuti dan meninggalkan Malaysia lebih awal pada malam 29.10.2024. Oleh itu, Adam berada secara fizikal di Malaysia selama 59 hari sahaja.

Dalam situasi ini, pengecualian cukai di bawah perenggan 21 Jadual 6 ACP adalah tidak terpakai kerana saraan yang diterima Adam adalah bagi tempoh pengajian melebihi 60 hari (61 hari). Pendapatan Adam bagi tempoh pengajian tersebut adalah tertakluk kepada cukai pada kadar cukai untuk individu tidak bermastautin. (Rujuk perenggan 22 Jadual 6 ACP).

Nota

Berbeza dengan penentuan taraf mastautin di Malaysia, tempoh pengecualian 60 hari adalah merujuk kepada tempoh pengajian di Malaysia dan bukan kepada kehadiran fizikal pekerja di Malaysia.

Contoh 13

Dalam Contoh 12, jika Adam menjalankan pengajiannya di Malaysia bagi tempoh 40 hari dan dikehendaki menjalankan tugas tertentu (bersampingan dengan tugas beliau di Malaysia) di Thailand dan Indonesia yang berjumlah 21 hari, tempoh pengajian beliau di Malaysia adalah 61 hari. Liabiliti cukainya perlu dikaji semula dari 1.1.2024.

5. Layanan Cukai bagi Warganegara Asing daripada Negara yang Mempunyai Perjanjian Cukai yang Dipinjamkan Bertugas di Malaysia

5.1 Cukai dua kali

Pengenaan cukai dua kali berlaku apabila dua negara mengenakan cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan yang sama ke atas orang yang dikenakan cukai yang sama. Apabila seorang warganegara asing memperoleh pendapatan penggajian dari Malaysia tetapi merupakan pemastautin negara lain, cukai pendapatan ke atas pendapatan penggajiannya boleh dikenakan di Malaysia dan di negara di mana beliau bermastautin.

5.2 Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan beberapa negara lain (negara pejanji) bagi mengurangkan kesan pengenaan cukai dua kali apabila pendapatan yang sama tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia dan negara penjanji tersebut. Penghapusan cukai dua kali adalah tertakluk kepada terma dan peruntukan sepertimana ditetapkan dalam PPPDK.

Sekiranya PPPDK telah ditandatangani dengan suatu negara penjanji, peruntukan yang bersesuaian di bawah Jadual 7 ACP hendaklah terpakai dengan membenarkan pelepasan kredit dua belah pihak berhubung dengan cukai asing yang kena dibayar berdasarkan seksyen 132 ACP.

Dalam kes di mana tiada PPPDK ditandatangani dengan negara lain, pelepasan daripada cukai Malaysia boleh dibenarkan secara sebelah pihak berdasarkan seksyen 133 ACP dan peruntukan yang bersesuaian di bawah Jadual 7 ACP.

5.3 Artikel Penggajian / Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas dalam PPPDK

Bagi warganegara asing yang menjalankan penggajian di Malaysia, Artikel Penggajian / Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas (PPTB) dalam PPPDK Malaysia yang relevan adalah terpakai untuk pelepasan perjanjian cukai. Walau bagaimanapun, syarat dan terma di dalam Artikel Penggajian / Artikel PPTB dalam setiap PPPDK mungkin berbeza dari suatu negara penjanji ke negara pejanji lain. Teks lengkap PPPDK Malaysia yang berkenaan boleh dirujuk dari laman rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



6. Kredit Dua Belah Pihak

Kredit dua belah pihak dibenarkan ditolak daripada cukai Malaysia hanya bagi individu warganegara asing yang dikenakan cukai Malaysia untuk suatu tahun taksiran dan yang bermastautin dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu.

Jika pendapatan penggajian seorang warganegara asing yang bermastautin di Malaysia dikenakan cukai di Malaysia dan di negara pejanji, pelepasan dalam bentuk kredit dua belah pihak di bawah seksyen 132 ACP boleh dibenarkan.

Formula untuk pengiraan kredit dua belah pihak adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing}^1}{\text{Jumlah pendapatan}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak}$$

atau

Cukai asing yang kena dibayar berhubung pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali, yang mana lebih rendah.

(¹Pendapatan asing bagi tujuan menuntut kredit dua belah pihak adalah termasuk pendapatan yang terbit dari Malaysia dan yang dikenakan cukai asing)

7. Layanan Cukai ke atas Warganegara Asing daripada Negara Tiada Perjanjian Cukai yang Dipinjamkan Bertugas di Malaysia

Dalam keadaan ketiadaan PPPDK di antara Malaysia dan suatu negara asing, undang-undang cukai domestik Malaysia dan negara asing itu adalah terpakai. Dalam keadaan ini, pelepasan kredit yang boleh diberi dikenali sebagai kredit sebelah pihak. Kredit ini boleh dituntut oleh seseorang yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran yang dikenakan cukai Malaysia dan telah membayar cukai asing ke atas pendapatan yang sama di suatu negara asing di mana pendapatan itu terbit.

Berdasarkan takrifan “pendapatan asing” berhubung kredit sebelah pihak, kredit sebelah pihak hanya boleh dituntut bagi pendapatan yang terbit dari luar Malaysia yang dikenakan cukai asing. Ini bermaksud bahawa pendapatan yang diterima dari luar Malaysia tetapi terbit dari punca Malaysia adalah tidak layak untuk tuntutan kredit sebelah pihak.



Kredit sebelah pihak dihadkan kepada setengah daripada cukai asing yang perlu dibayar ke atas pendapatan asing bagi tahun tersebut atau cukai Malaysia yang boleh dikenakan berhubung dengan pendapatan asing itu, yang mana lebih rendah.

Formula untuk pengiraan kredit sebelah pihak adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing}^2 \text{ (pendapatan berkanun)}}{\text{Jumlah Pendapatan}} \times \text{Cukai Malaysia yang boleh dikenakan (berhubung dengan pendapatan asing itu) sebelum kredit sebelah pihak}$$

atau

$\frac{1}{2}$ daripada cukai asing, yang mana lebih rendah.

(²Pendapatan asing bermaksud pendapatan yang terbit di suatu negara di luar Malaysia dan dikenakan cukai di negara luar itu)

Nota

Berdasarkan perenggan 15 Jadual 7 ACP, kredit sebelah pihak boleh dibenarkan jika seseorang pekerja membayar cukai Malaysia dan cukai asing ke atas pendapatan daripada suatu penggajian yang dijalankan di luar Malaysia, tidak kira sama ada dia bermastautin atau tidak dalam tahun asas bagi tahun taksiran tersebut. (Ilustrasi bagi perenggan ini adalah seperti Contoh 7 di KU No.11/2021 bertajuk Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak)

Contoh 15

Rodney, seorang jurutera perunding dihantar oleh majikannya di AS untuk membantu dalam projek yang dijalankan oleh syarikat subsidiari di Malaysia dari 1.6.2024 hingga 31.8.2024 (92 hari). Saraan Rodney ketika bertugas di Malaysia akan dibayar dan ditanggung sepenuhnya oleh majikan di AS.

Oleh kerana tempoh penggajian Rodney melebihi 60 hari dalam tahun 2024, pendapatan penggajian beliau di Malaysia tertakluk kepada cukai di Malaysia. Rodney dikenakan cukai berdasarkan undang-undang cukai domestik Malaysia kerana ketiadaan PPPDK di antara Malaysia dan AS.

Dalam kes ini, Rodney tidak layak menuntut pelepasan kredit sebelah pihak di Malaysia jika pendapatan penggajian beliau bagi tempoh 1.6.2024 hingga 31.8.2024 turut dikenakan cukai di AS kerana Rodney tidak menjalankan penggajian di luar Malaysia tetapi telah dihantar oleh majikan di AS untuk bekerja di Malaysia.

8. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang Berkaitan

8.1 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 60) 2003] [PU.(A) 382/2003]

Mulai tahun taksiran 2003, individu bukan warganegara dikecualikan cukai ke atas punca pendapatan yang diperoleh daripada suatu penggajian dengan suatu Syarikat Ibu Pejabat Operasi (IPO) dan Pejabat Serantau (PS) yang dijalankan di luar Malaysia.

8.2 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.2) 2008] [PU.(A) 101/2008]

Mulai tahun taksiran 2008, layanan cukai yang diberikan kepada individu bukan warganegara yang bekerja di IPO atau PS dipanjangkan kepada individu bukan warganegara yang bekerja di Syarikat Pusat Perolehan Antarabangsa (SPPA) dan Syarikat Pusat Pengedaran Serantau (SPPS).

(Maklumat lanjut berhubung pengecualian cukai ke atas punca pengajian individu bukan warganegara dengan suatu syarikat IPO, PS, SPPA dan SPPS, boleh di rujuk KU No.12/2011 bertajuk Pengecualian Cukai Atas Pendapatan Penggajian Individu Bukan Warganegara Yang Bekerja Dengan Syarikat Tertentu Di Malaysia)

8.3 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2008 [P.U.(A) 18/2008]

Mulai tahun taksiran 2007, seorang individu yang bukan warganegara Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia dikecualikan cukai ke atas bayaran yang beliau terima daripada penyertaan dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

8.4 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2012 [P.U.(A) 184/2012]

Mulai tahun taksiran 2012, individu bukan warganegara Malaysia dikecualikan cukai pendapatan berhubung pendapatan yang diperoleh daripada suatu penggajian dengan suatu pusat pengurusan perbendaharaan (PPP). PPP ertinya suatu syarikat pemastautin yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menjalankan perniagaan penyediaan perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana yang layak di Malaysia.

9. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Warganegara asing yang bukan pemastautin di Malaysia dikehendaki memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang M untuk setiap tahun taksiran yang berkenaan. Jika mereka layak sebagai pemastautin Malaysia untuk tahun taksiran yang berkenaan, Borang BE atau Borang B (yang mana berkaitan)

hendaklah difailkan. Tarikh pengemukaan BNCP adalah pada atau sebelum 30 April dalam tahun berikutnya.

Pengecualian cukai bagi penggajian melebihi tempoh 60 hari tidak diberikan secara automatik. Tuntutan pengecualian cukai boleh dibuat semasa pengemukaan BNCP, kerana warganegara asing yang ingin menuntut pengecualian cukai perlu membuktikan kepada Ketua Pengarah bahawa mereka adalah layak untuk mendapat pengecualian tersebut.

10. Tarikh Kuat Kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2025 dan tahun taksiran berikutnya.

11. Pindaan dan Pengemaskinian

KU ini menggantikan KU No. 8/2011 bertarikh 16 November 2011 bertajuk “Warganegara Asing Yang Bekerja Di Malaysia – Layanan Cukai”.

Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:

Perenggan	Penerangan
1	Perenggan 1 dipinda.
2	Perenggan 2.2 dipinda.
3	Perenggan 3.1 dipinda.
	Perenggan 3.7 dipinda.
	Perenggan 3.9 dipinda.
	Perenggan 3.12 dipinda.
4	Perenggan 4.1 dan 4.2 dipinda. Contoh 1, 2 dan 3 dipinda dan dikemas kini.
	Perenggan 4.3.1 dipinda dan Perenggan 4.3.2 ditambah.
	Contoh 5 –14 dipinda dan dikemas kini.
5	Perenggan 5.1 dipinda.
	Perenggan 5.2 dipinda.
6	Perenggan 6 dipinda.
7	Perenggan 7 dipinda.
	Contoh 15 dipinda dan dikemas kini.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
WARGA ASING YANG
MENJALANKAN PENGGAJIAN DI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2026
Tarikh Penerbitan: 27 Mac 2026**

8	Perenggan 8.2 dipinda dan dikemas kini.
11	Perenggan 11 ditambah.

12. Penafian

Contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**